

Penyediaan Abstrak

Abstrak dalam Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris tidak melebihi 500 patah perkataan mesti dihantar secara terus (online) dalam format Microsoft Word sahaja, saiz A4 dengan menggunakan tulisan Times New Roman, saiz 12. Pengarang diminta untuk mengenalpasti bidang yang bersesuaian dengan kertas kerja tersebut. Abstrak mesti mengandungi tajuk kertas kerja, nama-nama pengarang, alamat majikan, nombor telefon dan faks, alamat emel, kata kunci (keyword) (tidak lebih dari 5 kata kunci), latar belakang, objektif, rumusan metodologi, hasil dan perbincangan. Tajuk kertas kerja mesti tidak melebihi dari 150 karakter dan mesti dalam format title case. Ulasan abstrak akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Teknikal. Seorang pengarang dari setiap satu kertas kerja perlu mendaftar sebagai pembentang kertas kerja dan menyertai persidangan.

Panduan Pembentangan

Pembentangan kertas kerja boleh dilakukan di dalam **Bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris**. Masa yang diperuntukan untuk setiap pembentangan kertas kerja adalah selama **20 minit** iaitu **15 minit** untuk pembentangan dan 5 minit untuk sesi soal jawab. Setiap sesi pembentangan akan disediakan sebuah laptop (Operating system-Windows XP, Microsoft Office PowerPoint 2003, CD-ROM, USB Port) dan LCD Projector. Sila serahkan bahan pembentangan (Pendrive) kepada sekretariat yang bertugas semasa pendaftaran.